



Amaran!

Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab ke atas sebarang penambahan ayat selain daripada kandungan khutbah yang dikeluarkan.

“PILIHAN RAYA: TANGGUNGJAWAB UMMAH KEPADA NEGARA”

28 Oktober 2022 / 2 Rabiul Akhir 1444

الْحَمْدُ لِلَّهِ¹ الَّذِي أَنْعَمَ عَلَيْنَا بِنِعْمَةِ الْإِيمَانِ وَالْإِسْلَامِ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ² وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ³ أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Para Jemaah Rahimakumullah,

Marilah kita tingkatkan ketakwaan ke hadirat Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan semua larangan Nya, mengikhlaskan setiap amal, semoga kita sentiasa mendapat taufik dan hidayah serta diperkukuhkan iman mengabdikan diri semata-mata kepada Allah Yang Maha Esa. Menjelang Pilihan Raya Umum ke-15, mimbar akan memperdengarkan khutbah bertajuk:

“PILIHAN RAYA: TANGGUNGJAWAB UMMAH KEPADA NEGARA”

Firman Allah SWT:

﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَنْ تُؤَدُّوا الْأَمَانَاتِ إِلَىٰ أَهْلِهَا وَإِذَا حَكَمْتُمْ بَيْنَ النَّاسِ أَنْ تَحْكُمُوا بِالْعَدْلِ إِنَّ اللَّهَ نِعِمَّا يَعِظُكُمْ بِهِ إِنَّ اللَّهَ كَانَ سَمِيعًا بَصِيرًا﴾

Bermaksud: Sesungguhnya Allah menyuruh kamu supaya menyerahkan amanah kepada yang berhak, dan apabila kamu (pemimpin) menjalankan hukum di antara manusia, jatuhkanlah hukuman secara saksama. Sesungguhnya Allah sebaik-baik Pemberi pedoman. Sesungguhnya Allah sentiasa Mendengar, lagi sentiasa Melihat.

(Surah Ali Imran ayat 58)

Pada 10 Oktober 2022, Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong memperkenankan Parlimen Malaysia ke-14 dibubarkan; dan pada 17 Oktober,

¹ Memuji Allah SWT

² Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

³ Pesan Takwa



Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan memperkenankan pembubaran Dewan Negeri Perak ke-14. Pada 20 Oktober, Suruhanjaya Pilihan Raya menetapkan tarikh penamaan calon Pilihan Raya ke-15, pada 5 November, dan mengundi pada tarikh 19 November 2022.

Pilihan Raya memberi peluang kepada rakyat untuk memilih kepimpinan negara. Tanggungjawab memilih ahli Parlimen dan ahli Dewan Negeri kini diserahkan kepada rakyat. Wakil-wakil yang dipilih dirujuk sebagai wakil rakyat, iaitu orang-orang yang dipilih oleh rakyat untuk mewakili mereka di Dewan Rakyat dan Dewan Negeri. Selepas berakhirnya pilihan raya, kumpulan yang mendapat sokongan majoriti, akan diberikan peluang untuk menyembahkan cadangan kepada Raja Pemerintah, hasrat mereka untuk mencalonkan seorang wakil menjadi ketua kerajaan, selanjutnya membentuk kerajaan baik di peringkat Persekutuan begitu juga di peringkat negeri. Ketua kerajaan yang diperkenankan lantikan dan kerajaan yang diperkenankan pembentukannya akan mengambil tanggungjawab mengurus tadbir negara atau pun negeri, untuk dibangunkan dan dimajukan, dengan harapan dapat melimpahkan nikmat kebahagiaan, kesejahteraan dan kesentosaan kepada rakyat jelata.

Sidang Jumaat yang Dirahmati Allah,

Islam ialah agama yang memandang pemilihan dan pelantikan pemimpin sebagai suatu kewajipan yang perlu ummah lakukan. Meskipun al-Quran dan Hadis tidak memperincikan kaedah atau cara memilih pemimpin, akan tetapi al-Quran dan Hadis serta para sarjana Islam telah memberikan gambaran mengenai siapakah orang yang seharusnya dipilih dan seterusnya ditaati, serta syarat-syarat yang harus dimiliki oleh seorang pemimpin.

Pemimpin memberi erti, orang yang memiliki kemahiran membina dan membangunkan orang lain. Pemimpin berkeupayaan menunjukkan panduan untuk mencapai matlamat dan mendorong pengikut melaksanakan tanggungjawab. Peranan dan tanggungjawab pemimpin lebih luas daripada pengurus, kerana pemimpin berusaha mempengaruhi gelagat seseorang insan atau kumpulan. Pemimpin yang baik lagi berkesan ialah pemimpin yang senantiasa berhubung rapat dengan pengikutnya.

Pemimpin mengikut takrif para sarjana Islam, dapat diertikan seseorang yang dilantik untuk menerajui suatu kepimpinan urusan pentadbiran awam, atau pun organisasi kemasyarakatan, dengan matlamat membawa kebaikan sama ada di dunia



mahupun akhirat. Manakala menurut pandangan sarjana barat, pemimpin membawa erti seseorang yang dilantik atau wujud dalam suatu kumpulan yang dia mempengaruhi orang yang dipimpinya untuk mencapai suatu matlamat bersama dan bertanggungjawab ke atas orang yang dipimpinya.

Menurut Imam Al-Mawardi, selepas kewafatan Nabi SAW, menentukan sistem pemerintahan sesebuah negara, merupakan suatu kewajipan ummah dalam mengurus hal ehwal negara, menjaga kemurnian agama dan mengatur urusan ummah. Menurut Al-Mawardi, pemimpin hendaklah berupaya membawa manusia lebih dekat kepada kemaslahatan (atau faedah) dan jauh daripada kebinasaan. Seorang pemerintah hendaklah bersifat tawaduk, adil dan saksama agar menjadi contoh teladan kepada rakyat jelata. Keadilan tidak hanya tertumpu kepada umat Islam, malahan kepada semua rakyat yang berbilang agama – berbilang kaum. Suri teladan pemerintah yang baik juga menjadi cerminan kepada ketinggian akhlak rakyat jelata sesebuah negara-bangsa.

Sidang Jumaat yang dimulikan,

Budaya politik yang sihat, amat penting untuk menjamin pilihan raya dapat berlangsung dalam suasana aman, tenteram, terkawal dan selamat. Tujuan diadakan pilihan raya ialah untuk membolehkan rakyat memilih dan menyerahkan amanah kepada insan pilihan mereka. Calon-calon dibenarkan berkempen untuk memperkenalkan diri, sementara parti-parti politik akan memperkenalkan kepada rakyat manifesto yang menghuraikan wawasan serta cadangan yang ditawarkan, jika diberikan peluang memerintah.

Lebih dua puluh satu juta rakyat layak dan terdaftar sebagai pengundi dalam Pilihan Raya ke-15. Lebih sepuluh perpuluhan tujuh (10.7) juta pengundi berusia bawah 39 tahun, merupakan hampir 51 peratus pengundi; daripada angka tersebut, hampir 1.5 juta orang, menghampiri 7 peratus pengundi berada dalam usia 18 ke-20 tahun. Hanya 18 peratus pengundi yang berada dalam kumpulan usia atas 60 tahun.

Mimbar menyeru dan memperingatkan perkara-perkara berikut:

Pertama: Penuhilah tanggungjawab untuk mengundi. Mengundi ialah satu tanggungjawab fardu kifayah, satu tanggungjawab kenegaraan yang sangat dituntut agar rakyat melakukannya.



Kedua: Keengganan untuk memenuhi tanggungjawab mengundi bererti melakukan satu pembaziran, kerana tidak menghargai kos yang dibelanjakan oleh kerajaan untuk mengadakan pilihan raya yang memberikan rakyat kuasa memilih kerajaan yang baharu.

Ketiga: Para majikan turut mempunyai tanggungjawab kenegaraan, memberikan masa yang cukup, membolehkan para pekerja mereka berpeluang untuk keluar mengundi.

Keempat: Anak muda yang pertama kali mempunyai kuasa mengundi, sewajarnya diberikan panduan, bimbingan dan kesedaran agar menyempurnakan tanggungjawab mengundi dan mengundi dengan bertanggungjawab.

Jemaah yang dirahmati Allah

Dalam tempoh berkempen, mimbar berpesan kepada calon, juga kepada penyokong dan petugas parti agar mematuhi atau menghormati perkara-perkara berikut:-

Pertama: Tidak mensensasikan isu-isu agama dan kaum untuk meraih laba politik hingga menyemaikan rasa kebencian dan akhirnya menyalakan api permusuhan dalam kalangan rakyat Malaysia yang berbilang agama dan kaum.

Kedua: Tidak mengamalkan budaya menyogok rasuah untuk mendapat sokongan pengundi kerana dibimbangkan calon yang menggunakan pengaruh rasuah atau memberi rasuah untuk mendapatkan sokongan, akan mengamalkan perangai menerima rasuah apabila diserahkan amanah dan kuasa.

Ketiga: Tidak melakukan dosa menyebarkan fitnah, memaki hamun, mencerca dan mengaibkan lawan semasa berkempen.

Keempat: Tidak memperdayakan rakyat dengan menjanjikan bulan dan matahari yang tidak dapat dikotakan dan akhirnya rakyat berasa tertipu.

Kelima: Tidak melakukan perbuatan-perbuatan khianat, merosakkan harta benda awam, melakukan kacau bilau, atau mencetuskan sengketa mengganggu dan mengugut pihak lawan.

Keenam: Tidak menggunakan masjid, surau dan institusi agama Islam sebagai tempat berkempen.



Ketujuh: Mematuhi peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh pihak-pihak berkuasa dan para petugas, antaranya Suruhanjaya Pilihan Raya, Polis Diraja Malaysia, Jabatan Agama Islam, Pegawai Daerah, Pihak Berkuasa Tempatan, Pegawai Masjid dan Surau serta RELA.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ
وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ
الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ
وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ⁴ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ
أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ⁵ وَعَلَى آلِهِ
وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ⁶ وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ.

Muslimin yang dirahmati Allah,

Mimbar menyeru para jemaah agar tetap berpegang kepada aqidah Islamiah berteraskan Ahli Sunnah Waljamaah, yang menjadi warisan Rasulullah SAW, sahabat dan tabiin. Jagalah hubungan dengan Allah SWT dan sesama manusia. Makmurkan rumah-rumah Allah dengan istiqamah mengerjakan ibadah, terutama solat fardu berjemaah. Perbanyakkan selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا⁷

⁴ Memuji Allah

⁵ Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

⁶ Pesan Taqwa

⁷ Ayat Al-Quran



اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ
وَبَارِكْ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي
الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ⁸، وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ وَأَلِّفْ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَاجْعَلْ فِي قُلُوبِهِمُ الْإِيمَانَ
وَالْحِكْمَةَ، وَثَبِّتْهُمْ عَلَى مِلَّةِ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ. اللَّهُمَّ اكْفِنَا بِجَلَالِكَ عَنِ حَرَامِكَ وَأَعْنِنَا
بِفَضْلِكَ عَمَّنْ سِوَاكَ.

Ya Allah! Ya Rabbal 'alamin!, kurniai kami keadaan aman dan tenteram sepanjang tempoh negara menghadapi Pilihan Raya Umum Ke-15. Kurniai kami cuaca yang baik agar membolehkan kami tidak menghadapi masalah untuk pergi mengundi. Berilah kami petunjuk dan pedoman agar kami dapat memilih pemimpin yang akan mengemudi nasib negara ini menuju keredaan Mu, dilimpahi kemakmuran, kesejahteraan dan keberkatan.

Ya Sami' Ya Basir! Limpahi semangat kesabaran dan ketabahan, kekuatan dan kegigihan kepada hamba-hamba Mu yang ditugaskan mengendalikan pelbagai urusan Pilihan Raya, agar mereka dapat melaksanakan tanggungjawab secara adil, saksama, telus dan berintegriti berlandaskan undang-undang.

Ya Dzal Jalaali wal Ikram!, jadikanlah kami antara hamba Mu yang memelihara amanah. Kuatkan iman kami agar menjauhi perbuatan khianat seperti salah guna harta benda bukan milik kami, memberi atau menerima rasuah, menyalahgunakan kuasa untuk kepentingan diri, serta jauhkan kami termasuk dalam golongan yang mengabaikan tanggungjawab yang diamanahkan.

Ya Maalikal Mulk!, jauhi negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah; serahkan tanggungjawab pimpinan dan pengurusan negara kami kepada kalangan hamba Mu yang amanah dan ikhlas, serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan hukum.

⁸ Doa untuk Kaum Muslimin



Ya Mannan! Ya Razzaq!, berkatilah hamba Mu yang melaksanakan tuntutan zakat, wakaf dan sedekah. Kurniai mereka rezeki yang berlipat ganda, serta sucikanlah harta dan jiwa mereka; jauhi golongan *fuqara* dan *masakin* daripada kekufuran dan kefakiran yang berpanjangan.

Ya Malik! Ya Hadi!, kurniakanlah taufik dan hidayah Mu terhadap raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ
فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، ﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَائِي ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يُعْطِكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾ فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ
نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.